

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

YANG BERBAHAGIA SR. TANGGA PARAGASAM
PRESIDEN PERTUBUHAN JURUUKUR DIRAJA MALAYSIA (RISM)

YANG BERBAHAGIA BRIGADIER JENERAL SR. HJ. MOHD AMIN
MOHD DIN

PENGERUSI BAHAGIAN UKUR BANGUNAN PERTUBUHAN
JURUUKUR DIRAJA MALAYSIA (RISM)

PROF. MADYA SR. DR. MD. YUSOF HAMID
TIMBALAN REKTOR HAL EHWAL AKADEMIK
MEWAKILI
REKTOR UITM (PERAK)

PROF. MADYA DR. NOR ROSLI HANIF
DEKAN FAKULTI ALAM BINA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)

DIF-DIF JEMPUTAN

WAKIL-WAKIL UNIVERSITI

PARA PANEL JEMPUTAN

WAKIL-WAKIL MEDIA

AHLI JAWATANKUASA PENGANJUR *THE 3RD INTERNATIONAL
BUILDING CONTROL CONFERENCE 2013*

SETERUSNYA PARA HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN

ASSALAMU'ALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH, SALAM
SEJAHTERA DAN SALAM 1MALAYSIA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

1. SYUKUR ALHAMDULILLAH HARI INI KITA DAPAT BERSAMA-SAMA BERKUMPUL DI MAJLIS, *THE 3RD INTERNATIONAL BUILDING CONTROL CONFERENCE 2013* INI. SAYA MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KERANA MENJEMPUT SAYA BAGI MENYAMPAIKAN UCAPAN DAN SETERUSNYA MERASMIKAN MAJLIS PADA PAGI INI.

2. UCAPAN TERIMA KASIH JUGA DIPANJANGKAN KEPADA PIHAK PENGANJUR PERSIDANGAN INI; *BUILDING SURVEYING DIVISION* DAN *JUNIOR ORGANIZATION COMMITTEE BUILDING SURVEYING DIVISION* DI BAWAH NAUNGAN *ROYAL INSTITUTION OF SURVEYORS MALAYSIA* (RISM). SAYA DIFAHAMKAN BAHAWA, PERSIDANGAN ANTARABANGSA INI TURUT DIJAYAKAN DENGAN KERJASAMA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM DAN SWASTA SEPERTI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA MALAYSIA, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA, UNIVERSITI MALAYA, UNIVERSITI

SAINS MALAYSIA DAN L&G TWINTECH COLLEGE. TIDAK LUPA JUGA ATAS SOKONGAN DAN KERJASAMA ERAT YANG TELAH DIBERIKAN OLEH BADAN-BADAN PROFESIONAL YANG TERLIBAT DENGAN PENGANJURAN PERSIDANGAN INI. SAYA KIRA JARINGAN PROFESSIONAL DAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI INI AMATLAH BAIK DAN KERJASAMA INI PERLULAH DI PERKUATKAN DENGAN MEWUJUDKAN KERANGKA KERJASAMA STRATEGIK BERSIFAT SISTEMIK SUPAYA KESINAMBUNGAN PROGRAM DAN AKTIVITI-AKTIVITI DOMESTIK DAN INTERNASIONAL DAPAT

DILAKSANAKAN DENGAN BERKESAN BAGI KEMAJUAN INDUSTRI
PEMBINAAN NEGARA.

HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

3. DUNIA HARI INI SEMAKIN BERUBAH. ADAPUN PERUBAHAN
INI BUKANLAH DISENGAJAKAN ATAU BERSIFAT NATURAL. IANYA
ADALAH HASIL USAHA MANUSIA YANG MENGGUNAKAN AKAL
DAN KEHENDAK BAGI MEMENUHI PERMINTAAN DAN KEPERLUAN
MASYARAKAT MANUSIA. KEBERANIAN MANUSIA DALAM

MENEROBOSI BIDANG-BIDANG TERTENTU MENYEBABKAN BERLAKUNYA PERUBAHAN-PERUBAHAN YANG TIDAK DAPAT TIDAK DIRASAI OLEH KITA SEMUA.

4. SEJAK BEBERAPA DEKAD YANG LALU, PERTUMBUHAN EKONOMI YANG PESAT DAN AKTIVITI MANUSIA YANG TIDAK TERKAWAL MELALUI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DAN PENEROKAAN BIDANG-BIDANG BARU TELAH MENYEBABKAN BERLAKUNYA PROSES URBANISASI YANG MEMBERI IMPAK BESAR KEPADA DEMOGRAFI, MIGRASI, SISTEM PENGELUARAN

GLOBAL DAN PERTUMBUHAN TEKNOLOGI. LEDAKAN KEPENGGUNAAN TENAGA SECARA AGRESIF DALAM MEMBENTUK EKONOMI DUNIA TELAH MEMBANTU MENINGKATKAN SUHU DUNIA DAN MEMBENTUK PEMANASAN GLOBAL (GLOBAL WARMING) YANG MEMERLUKAN PERHATIAN SEGERA WARGA DUNIA.

5. PEMBEBASAN TENAGA DARI BANGUNAN-BANGUNAN YANG MEMBERI SUMBANGAN KEPADA PEMANASAN GLOBAL INI TIDAK DAPAT KITA ELAKKAN. LANTARAN ITU BAGI MENGURANGKAN

PEMANASAN GLOBAL YANG MEMBERI KESAN NEGATIF KEPADA PENDUDUK DUNIA, NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SEPERTI MALAYSIA TELAH MENGAMBIL LANGKAH PRO AKTIF BAGI MEMINIMAKAN KADAR KESAN PEMANASAN GLOBAL. MELALUI PELAKSANAAN POLISI PEMAMPANAN DAN MEKANISMA TERTENTU DAPAT MENDORONG PEWUJUDAN PERSEKITARAN LESTARI ATAU *SUSTAINABLE ENVIRONMENT* SECARA TERSUSUN. PENDEKATAN INI SESUNGGUHNYA MEMBENTUK PEMETAAN YANG FOKUS DAN JELAS KEPADA ISU PEMANASAN

GLOBAL YANG MENJADI MATLAMAT UTAMA DALAM SETIAP PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN FIZIKAL.

6. JUSTERU, PERSIDANGAN KALI INI YANG BERTEMAKAN, *“TRANSFORMATION OF TECHNOLOGY TOWARDS SUSTAINABLE BUILT ENVIRONMENT STRATEGY”* ADALAH BERSESUAIAN DENGAN SENARIO DUNIA DAN NEGARA PADA MASA INI YANG ANTARA LAIN MEMBERI TUMPUAN KEPADA PEMBENTUKAN PERSEKITARAN LESTARI MELALUI PEMBINAAN BANGUNAN-

BANGUNAN YANG BERCIRI “ENVIROMENTAL FRIENDLY AND ECOLOGICAL”. NAMUN TEKNOLOGI YANG TINGGI BUKANLAH PENYELESAIAN KEPADA SEMUA PERKARA TETAPI GABUNGAN ANTARA TEKNOLOGI DAN MANUSIA ADALAH “TWO SIDES OF A COIN” YANG TIDAK DAPAT TIDAK MEMBENTUK KESEMPURNAAN KEHIDUPAN MANUSIA BERTEMANKAN TEKNOLOGI MASA KINI. KITA BOLEH MEMILIKI “THE BEST TECHNOLOGY FOR THE BEST PEOPLE” DAN BUKAN “THE BEST TECHNOLOGY FOR THE WORST PEOPLE”.

HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

7. DALAM USAHA UNTUK MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN LESTARI DI SAMPING MENGATASI MASALAH PEMANASAN GLOBAL, KERAJAAN MALAYSIA KOMITED UNTUK MEMPERLUASKAN PRINSIP PEMBANGUNAN YANG MAMPAN KE DALAM PELAN POLISI KEBANGSAAN (WAWASAN 2020) BAGI MENCAPAI TARAF NEGARA YANG MAJU DAN BERPENDAPATAN TINGGI. DI DALAM HAL INI, KERAJAAN TELAH MEMPERKENALKAN PENILAIAN IMPAK ALAM SEKITAR ATAU

DIKENALI SEBAGAI “*ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT*” (EIA) DALAM SEMUA PROJEK PEMBANGUNAN SEJAK TAHUN 1988. EIA INI TERBAHAGI KEPADA 19 KATEGORI TERMASUK PERUMAHAN, INFRASTUKTUR PENGANGKUTAN PENJANAAN KUASA DAN INDUSTRI.

8. PADA AWAL TAHUN 2009 PULA, MALAYSIA TELAH MELANCARKAN “*GREEN BUILDING INDEX*” (GBI) ATAU DIKENALI JUGA SEBAGAI “*BUILDING ASSESSMENT TOOLS*” YANG MERUPAKAN SATU INOVASI DALAM KERANGKA MENILAI

SESEBUAH BANGUNAN YANG MEMBERI SUMBANGAN BESAR KEPADA PERSEKITARAN LESTARI. INI TERMASUKLAH MELIHAT DARI SEGI REKA BENTUK BANGUNAN YANG MEMBOLEHKAN SISTEM PENGUDARAAN DAN PENCAHAYAAN SEMULAJADI DAPAT DILAKSANAKAN. DENGAN INI EKOLOGI PERSEKITARAN AKAN SECARA SEMULA JADI MENGURANGKAN PENGGUNAAN TENAGA DAN BACAAN DAPAT DIBUAT DENGAN TERATUR DAN DENGAN SKALA “*GREEN BUILDING INDEX*”.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

9. PENYELIDIKAN YANG BERSIFAT SUBSTANTIF DAN MAJOR ADALAH PUNCA UTAMA KEBANGKITAN SESEBUAH TAMADUN BANGSA DAN NEGARA. MAKA DENGAN ITU USAHA YANG BERSEPADU DI ANTARA PENGAMAL KEJURUTERAAN DAN PUSAT-PUSAT PENYELIDIKAN DI INSTITUSI-INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM DAN SWASTA HARUS BERUSAHA BAGI MENYELARAS APLIKASI TEKNOLOGI MASA KINI DALAM INDUSTRI PEMBINAAN DAN KAJIAN SERTA BIDANG

PENYELIDIKAN BERKAITAN. KITA MAHU SUPAYA PARA PELAJAR KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI YANG DIGUNAKAN SELARI DENGAN PASARAN PEKERJAAN. DENGAN YANG DEMIKIAN KOS LATIHAN SEMULA BAGI PENGAMAL BARU KEJURUTERAAN DAPAT DIHAPUSKAN MANAKALA PRODUKTIVITI DAPAT DITRANSFORMASIKAN DAN YANG LEBIH PENTING PERSEKITARAN LESTARI DAPAT DIREALISASIKAN.

10. DALAM USAHA UNTUK MENCAPAI OBJEKTIF TERSEBUT, PENYELIDIK YANG BERWAWASAN DAN BERDISPLIN DALAM MENELUSURI KAJIAN DAN PENYEDIDIKANNYA DENGAN PENUH DEDIKASI AMATLAH DIPERLUKAN. JIWA YANG KENTAL, HALUS DALAM PENELITIAN, SABAR DALAM KEGAGALAN SERTA CINTAKAN ILMU MENJADI SENJATA KEPADA KEJAYAAN. CONTOHI PUSAT-PUSAT PENYELIDIKAN DUNIA DI NEGARA-NEGARA SCANDINAVIA UMPAMANYA, WALAUPUN MEREKA SEBUAH NEGARA MAJU NAMUN ASPEK ETIKA DAN INTEGRITI MEREKA TERAMAT TINGGI. SEHINGGA HARI INI NEGARA-

NEGARA SCANDINAVIA MASIH MENDUDUKI TANGGA KE 10 TERATAS DALAM TRANSPARENCY INTERNATIONAL. SEMUANYA INI SELARAS DENGAN TUJUAN ASAS UNTUK MEMBENTUK MASYARAKAT DAN PERSEKITARAN LESTARI YANG AKHIRNYA MEMBINA NEGARA BANGSA MALAYSIA YANG TERCINTA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SERTA HADIRIN SEKALIAN

11. KERAJAAN JUGA MEMANDANG SERIUS TERHADAP BEBERAPA KEJADIAN KEMALANGAN DI TAPAK PEMBINAAN

YANG MEMBERIKAN PERSEPSI NEGATIF TERHADAP INDUSTRI PEMBINAAN NEGARA. DI DALAM MENGEJAR IMPIAN BAGI MENCAPAI PEMBANGUNAN DAN PEMBINAAN LESTARI DAN MAMPAN, KITA TIDAK SEHARUSNYA MEMBELAKANGKAN CIRI-CIRI KESELAMATAN DAN KUALITI PEMBINAAN. IA ADALAH PAKSI UTAMA KEPADA JANGKA HAYAT SESEBUAH BANGUNAN. SEHUBUNGAN ITU TITIK-TITIK ETIKA HARUS DISAMBUNG DAN DIBENTUK OLEH PIHAK PEMAJU, PIHAK KONTRAKTOR DAN PARA PEKERJA SUPAYA INDUSTRI PEMBINAAN NEGARA DAPAT DIGEMBELINGKAN BAGI MEMBANTU PEMBENTUKAN EKOLOGI

PERSEKITARAN LESTARI. OLEH YANG DEMIKIAN, SAYA MENYERU KEPADA SEMUA PAKAR-PAKAR PEMBINAAN, PENYELIDIK-PENYELIDIK DAN PENGAMAL KEJURUTERAAN AGAR MEMBERI PERHATIAN KEPADA ASPEK INI.

12. SEBELUM SAYA MENGAKHIRI UCAPAN INI, BESARLAH HARAPAN SAYA JIKA PERSIDANGAN KALI INI DAPAT MENJADI SATU PLATFORM UTAMA BAGI MEMBANTU NEGARA DALAM USAHA MEREALISASIKAN PERANCANGAN DAN PENCAPAIAN KE ARAH KEHIDUPAN LESTARI DEMI UNTUK MELAHIRKAN

MASYARAKAT BERJIWA HARMONI DAN TENTERAM DALAM SUASANA EKOLOGI PERSEKITARAN MANUSIAWI. SAYA JUGA PERCAYA BAHAWA PLATFORM INI, AKAN MEMBERI RUANG DAN PELUANG KEPADA RANGKAIAN INDUSTRI DARI PELBAGAI LATAR BELAKANG BIDANG PROFESIONAL, KERAJAAN DAN INDIVIDU DALAM MENJALINKAN HUBUNGAN KERJASAMA ERAT DAN STRATEGIK DEMI PEMBANGUNAN NEGARA.

HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

15. AKHIR KATA, SAYA BERHARAP AGAR SEMUA PIHAK DAPAT MEMAINKAN PERANAN DAN MEMPERGIATKAN USAHA DENGAN MEMBERIKAN SUMBANGAN BAGI MENDAPATKAN HASIL PENEMUAN YANG TERBAIK DALAM MEMASTIKAN MATLAMAT NEGARA DALAM SEKTOR PERSEKITARAN LESTARI DAPAT DILAKSANAKAN. MARILAH KITA BERSAMA-SAMA MENGERATKAN KERJASAMA, PERSEFAHAMAN DAN MENGGEMBELINGKAN TENAGA, MENGELUARKAN IDEA-IDEA INOVATIF DAN KREATIF UNTUK KEMAJUAN DAN KEJAYAAN BUKAN SAHAJA MILIK KITA, TETAPI YANG LEBIH PENTING UNTUK ANAK-ANAK KITA,

GENERASI YANG AKAN DATANG.

16. DENGAN LAFAZ MULIA BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM DAN SELAWAT KE ATAS BAGINDA RASUL, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN *THE 3RD INTERNATIONAL BUILDING CONTROL CONFERENCE 2013*.

SEKIAN, WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.

TERIMA KASIH.